



03 JUL, 2024

Dadah `terbang` ke Miri guna kurier disita

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Dadah `terbang` ke Miri guna kurier disita

LIONG CHAI LING

MIRI: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 di sini, 19 Jun lalu.

Pengarah JKDM Sarawak, Norizan Yahya berkata hasil maklumat dari Cawangan Risiko Zon Sarawak, sepasukan anggota Unit Narkotik Kastam Stesen Miri telah membuat pemeriksaan di Kargo Udara Miri, Jalan Airport sekitar 10.45 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan menjumpai sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya.

"Berdasarkan kepada nota penghantaran pada bungkus itu, pasukan telah menjalankan proses kawalan penghantaran ke atas kotak tersebut ke alamat penerima dan mendapati alamat yang digunakan adalah palsu.

"Nombor telefon bimbit penerima yang didaftarkan juga didapati tidak ada dalam perkhidmatan.

"Pasukan seterusnya membuat pengawasan dan menunggu penerima datang menuntut kotak tersebut di syarikat penghantaran yang beralamat di taman perindustrian di sini," katanya dalam kenyataan media.

Norizan berkata, setelah tiada tuntutan dibuat, kotak tersebut disita bagi tujuan siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan dan ujian awal ke atas kandungan kotak tersebut membawa kepada penemuan tiga plastik yang disyaki mengandungi dadah berbahaya jenis pil Ecstasy dianggarkan seberat 315 gram, serbuk Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dianggarkan seberat 501 gram dan Ketamin dianggarkan seberat 100 gram.

"Jumlah nilai keseluruhan dadah tersebut dianggarkan sebanyak RM156,000," katanya.

Menurutnya, modus operandi sindiket adalah menggunakan perkhidmatan kurier dari luar negara yang dihantar ke alamat palsu serta menggunakan nombor telefon bimbit yang tiada dalam perkhidmatan bagi tujuan mengelirukan pihak berkuasa.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, jika sabit kesalahan pesalah boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup dan sekiranya hukuman diberikan oleh mahkamah adalah hukuman penjara seumur hidup, pesalah hendaklah juga disabit tidak kurang dari 15 sebatan.

DISITA...
Kotak yang disyaki berisi dadah disita Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak untuk tindakan lanjut.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

"JKDM menggesa orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

"Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan," katanya.



03 JUL, 2024

Dadah `terbang` ke Miri guna kurier disita

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

LIONG CHAI LING MIRI: Jabatan Kastam Diraja.. Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 di sini, 19 Jun lalu. Pengarah JKDM Sarawak, Norizan Yahya berkata hasil maklumat dari Cawangan Risikan Zon Sarawak, sepasukan anggota Unit Narkotik Kastam Stesen Miri telah membuat pemeriksaan di Kargo Udara Miri, Jalan Airport sekitar 10.45 pagi.Katanya, hasil pemeriksaan menjumpai sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya.